

RM14b untuk laksana 144 projek pembangunan di Sabah

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan Persekutuan membelanjakan sebanyak RM14 bilion bagi melaksanakan 144 projek pembangunan di Sabah dan menjamin kesejahteraan rakyat negeri 'Bawah Bayu' itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, 144 projek itu termasuk dengan kerja naik taraf Hospital Tawau, pembinaan Pelabuhan kontena di Sepanggar Bay dan cadangan pembinaan pusat perubatan jantung di Kota Kinabalu.

Kata beliau, kerajaan turut memperuntukkan lebih RM350 juta bagi pelaksanaan Program Solar Madani dan Tawau dipilih sebagai lokasi pelaksanaan projek rintis itu.

Jelasnya, program itu melibatkan pemasangan 40 tiang lampu solar hasil kerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan penglibatan komuniti setempat.

"Kita laksanakan apa yang terbaik untuk rakyat, termasuk menangani masalah kos elektrik, kos tenaga, keperluan sekolah anak-anak, tandas, makmal sains, serta keperluan anggota polis dan tentera seperti perumahan dan pembaikan jalan," katanya ketika menyampaikan ucapan di perasmian penutup Program Madani Rakyat



ANWAR Ibrahim ketika mengadakan pertemuan dengan Musa Aman di Istana Seri Kinabalu, Sabah, semalam.

di Tawau, Sabah, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan Madani dalam tempoh dua tahun pentadbirannya mengambil alih Putrajaya.

Namun, katanya, beliau mengakui bahawa kerajaannya masih berhadapan dengan keangan tertentu.

Sementara itu, beliau turut mengumumkan kelulusan peruntukan tambahan RM10 juta bagi melaksanakan kerja penyelenggaraan kedai dan gerai kecil di seluruh Sabah meneru-

si Projek Siap Tamu Sabah.

"Sempena sambutan Hari Ibu hari ini, ini hadiah kepada para ibu yang ramai berniaga di Tamu Desa ini, supaya penambahbaikan yang dilakukan dapat memberi lebih keselesaan agar dapat berniaga dan berteduh daripada kepanasan dan hujan

"Saya tidak mahu menjadi perdana menteri yang melupakan kesusahan rakyat. Sebab itu, kita sentiasa berusaha se-daya upaya membangunkan Sabah daripada aspek kesa-

linghubungan, teknologi kecerdasan buatan (AI), digitalisasi serta usaha menoktahkan kemiskinan," katanya.

Terdahulu, Anwar mengadakan pertemuan sulung beliau dengan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Musa Aman di Istana Seri Kinabalu.

"Perbincangan tertumpu kepada isu-isu berkaitan pembangunan Sabah dan usaha mengukuhkan kerjasama antara kerajaan negeri dan Persekutuan," katanya kepada pemberita.